DHRRA MALAYSIA | BUILDING RESILIENT COMMUNITIES

Resolving Statelessness in Malaysia

Resolution Handbook

Menyelesaikan Isu Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia

Buku Panduan Resolusi



Published in January 2019
Diterbitkan pada Januari 2019

Headquarters Address :
Alamat Ibu Pejabat :
DHRRA Malaysia
E301 & E302 BLOCK E,
Kelana Parkview Tower 1,
Jalan SS 6/2,
47301 Petaling Jaya,
Selangor, Malaysia

T : +603 7887 3371
+603 7887 7271
F : +603 7887 8311

general@dhrramalaysia.org.my

Table of Contents

3 Foreword

4 International Laws which Protect Access to Citizenship

4 Safeguards to Prevent Statelessness in the Malaysian Federal Constitution

5 Gaps in the Nationality Policy

9 Quick Facts

Isi Kandungan

12 Pengenalan

13 Undang-undang Antarabangsa yang Melindungi Akses untuk mendapatkan Kewarganegaraan

13 Perlindungan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia untuk Mencegah Isu Tanpa Kewarganegaraan

14 Jurang dalam Dasar Kewarganegaraan

17 Fakta Ringkas

FOREWORD

Development of Human Resources for Rural Areas ***(DHRRA), Malaysia*** *was established to promote strong and self-reliant communities through people's empowerment initiatives. More than a decade of implementing community development programmes exposed us to the living conditions of stateless people.*

In mid-2014, DHRRA set out to address statelessness in West Malaysia. Understanding the scale of statelessness, its causes and consequences relies on accurate baseline data. Gathering accurate baseline data on statelessness was the obvious and necessary first step to address the problem itself. Since then, we compiled accurate baseline figures on statelessness in Selangor, Negeri Sembilan, Perak and Kedah through our registration and community based paralegal aid services.

DHRRA gathered a pool of cases on statelessness (more than 12,500) and identified cross-cutting issues causing and preventing the reduction of statelessness. More significantly, we identified the necessary administrative or legal measures required to find a solution for them. In Malaysia most of the statelessness scenarios could be loosely categorised into three types:

1. Born or arrived before Independence Day / Malaysia Day
2. Children with at least one Malaysian parent
3. Children adopted through informal adoptions

In addition to the above categories, there is a small number of cases consisting of abandoned or foundling children.

Ending statelessness requires a higher intensity of collaboration between a wide range of actors including the stateless people themselves. DHRRA's registration and community based legal aid services established the full scope of this problem and will continue to drive for advocacy efforts to find durable solutions for stateless persons in Malaysia. Part of our efforts includes publishing the awareness handbook in two series:

I. Awareness Handbook: Understanding Statelessness in Malaysia
II. Resolution Handbook: Resolving Statelessness in Malaysia

The experience over the last couple of years in Malaysia showed that a lot can be achieved in this area. Through strong cooperation with the Government and stakeholders, DHRRA intends to build on the political will of the Goverment of Malaysia. In reference to the Malaysian Federal Constitution, there are sufficient safeguards to address statelessness, indeed political will and concerted action by governments are key to resolving statelessness.

Saravanan M. Sinapan,
President of DHRRA Malaysia

International Laws which Protect Access to Citizenship

- **1948** — Universal Declaration of Human Rights, **Article 15**
- **1954** — Convention relating to the Status of Stateless Persons, **Article 1**
- **1961** — Convention on the Reduction of Statelessness, **Articles 1—4**
- **1965** — Convention on the Elimination of all forms of Racial Discrimination, **Article 5**
- **1966** — International Covenant on Civil and Political Rights, **Article 24**
- **1979** — Convention on the Elimination of all forms of Discrimination Against Women, **Article 9**
- **1989** — Convention on the Rights of the Child, **Articles 7 and 8**
- **1990** — Convention on the Protection of the Rights of All Migrant Workers and Members of their Families, **Article 29**
- **2006** — Convention on the Rights of Persons with Disabilities, **Article 18**

Of these legal instruments, Malaysia is party to CEDAW, CRC and CRPD. However, Malaysia has placed reservations on the relevant articles which pertain to nationality.

Safeguards to Prevent Statelessness in the Malaysian Federal Constitution

Provides that a child who was born in Malaysia and has not acquired nationality from any other state within 1 year of birth is a Malaysian citizen.	**Article 14(1)(b), Second Schedule, Part II, Section 1(e)**
The Federal Constitution recognizes new-born foundlings as nationals of Malaysia which is the state in which they are found. (i.e. P.O.B: Location found; D.O.B: Date of Finding; Parental Linkage: Born to a mother who is a PR)	**Article 14(1)(b), Second Schedule, Part II, Section 19B**
The adopted child's legal position in nationality law is identical to the position of a biological child. The Constitution recognizes that a child born within the country is a Malaysian citizen if either parent is a citizen or a permanent resident of Malaysia. Lawfully adopted children are considered to be born into a lawful wedlock. Parental Linkage: Born to a mother who is a PR	**1952 Adoption Act, Section 9(1)**

However, there are no administrative guidelines or procedures regarding the implementation of the relevant constitutional provisions

Gaps in the Nationality Policy

Adoption

i) Informal Adoption ii) Abandoned/Foundling stateless child given up for adoption	**Gap**
Allowed to apply for citizenship under Article 15A of the Federal Constitution (Special Power to Register Children)	**Current practice**
Long processing time (more than 2 years) and repeated rejections with no reason for rejection given. While undergoing the process, stateless children are subject to foreigner's rates when accessing public education and healthcare. Travel document applications are often rejected.	**Procedural challenges and effect**
NRD to issue administrative guidelines and procedures when considering applications under Article 15A. Ministry of Home Affairs to issue guidelines to bring into effect section 9(1) of the Adoption Act 1952 which states that the child's legal position is identical to the position of a biological child born into a lawful wedlock.	**Recommendation**

Gaps in the Nationality Policy

Discriminatory Nationality Law

a) The Constitution does not allow men to transfer nationality to their children if the child is born out of a legally recognized marriage (Section 17, Second Schedule, Part II). This can create statelessness where children cannot acquire nationality from their mothers, for example (i) Mother is stateless; (ii) Mother's identity is unknown; (iii) Laws of the mother's country do not permit her to confer nationality in certain circumstances b) The Constitution does not allow mothers to transfer nationality to their children born outside Malaysia on the same basis as fathers.	**Gap**
Allowed to apply for citizenship under Article 15A of the Federal Constitution (Special Power to Register Children)	**Current practice**
Long processing time (more than 2 years) and repeated rejections with no reason for rejection given. While undergoing the process, stateless children are subject to foreigner's rates when accessing public education and healthcare. Travel document applications are often rejected	**Procedural challenges and effect**
Reform the law with regards to Article 14(1)(b), Second Schedule, Part II, Section 1(b) and Section 17 of the Federal Constitution.	**Recommendation**

Gaps in the Nationality Policy

Foundling / Abandoned

a) Some of the foundlings and abandoned children who grew up in government welfare houses are given MyKas cards (Temporary Residence Card – 5 year renewal) b) Foundling/Abandoned children who are eventually adopted to only have access to citizenship through their adoptive parents if legal adoption is done before child turns 21 years old and necessary citizenship application is made in NRD.	**Gap**
a) No provisions to apply for Permanent Residency (PR) b) Allowed to apply for citizenship under Article 15A of the Federal Constitution (Special Power to Register Children)	**Current practice**
Long processing time (more than 2 years) and repeated rejections with no reason for rejection given. While undergoing the process, stateless children are subject to foreigner's rates when accessing public education and healthcare. Travel document applications are often rejected.	**Procedural challenges and effect**
NRD must issue administrative guidelines and procedures to implement the provision (Second Schedule, Part II, Section 19B) – as the Federal Constitution recognizes newborn foundlings as nationals of Malaysia which is the state in which they are found; OR Once established if a child is legally in a vulnerable situation as a foundling and thus should acquire a genuine link to Malaysia as a national or be protected against being left without a nationality within one year of their birth.	**Recommendation**

Gaps in the Nationality Policy

Pre Independence – Malaysia day born / arrival cases

a) With Birth Certificate - Inconsistent information on Birth Certificate and Identity card (e.g. name spelling); Do not perform well in Oral Bahasa Malaysia Exam; Unable to fulfil certificate of Good Conduct b) Without Birth Certificate - Proof of arrival/ birth has been lost during workers displacement in the plantations /estates; Do not perform well in Oral & Written Bahasa Malaysia Exam; Unable to fulfil certificate of Good Conduct	**Gap**
Allowed to apply for citizenship Article 16 (with Birth Certificate) and Article 19 (without Birth Certificate).	**Current practice**
Long processing time (more than 2 years) and repeated rejections with no reason for rejection given. Applications for permission to travel from the Immigration Department is expensive (RM500) and only valid for one time use.	**Procedural challenges and effect**
To grant citizenship for applicants who were born or arrived in Malaysia between the period of independence and Malaysia Day (31 August 1957-16 September 1963). These elderly applicants have no other citizenship or have lost their links to any other country, have never left the country, and often have siblings, parents, and children who are Malaysian.	**Recommendation**

Overall gaps in procedures practiced by NRD-MOHA

LONG processing period

Average of 2-3 years, with some applications exceeding 4 years

Reduce processing period to within 1 year, especially for children and youth applying under Article 15A.

Repeated rejections and re-applications will mean that children applying under Art 15A will reach 21 years of age and eventually be excluded from the Article 15A provision

The Ministry of Home Affairs (MOHA) and NRD should provide greater **transparency** in decision making for nationality applications if required documentation or information is lacking.

REPEATED rejections

NO REASONS for rejections

MoHA/NRD should consider **listing the reasons** or missing documentation / evidence to enable applicant to improve their next nationality submisison.

Establish Tribunal for cases which are unable to progress under the current administrative practices. The Tribunal shall consist of representative from NRD/Home Ministry, Welfare Department and NGO/Civil Society and have power to call for witnesses and hear evidence on the applicant's status.

Overall gaps in procedures practiced by NRD-MOHA

If forms confirming citizenship under Art 14 (1)(b) is given out, it will ALLOW the following categories to have access to citizenship:

a) Born on or Before Merdeka Day

b) Born on or After Merdeka Day and before October 1962

c) Born After September 1962 whose parents one at least is a citizen or PR or who was not born citizen of any other country

forms for article 14(b) Of The Federal Constitution – Confirmation Of Citizenship (Born in Malaysia)

NOT ISSUED

NO STANDARD approach to assess language proficiency (Malay)

NRD should outline the minimum language proficiency standards to ensure transparency in the language assesment.

Overall gaps in procedures practiced by NRD-MOHA

Individuals with

CRIMINAL RECORDS

are rejected

The NRD could develop administrative guidance on the meaning of "good character" in the Federal Constitution to ensure consistency and take the nature of the crime into account when assessing "good character".

Applicants below 21 years old:

Article 15A (Special Power to Register Children) can be used to register those under the age of 21 years old as Malaysian citizens.

Above 21 years old:

Entitled to citizenship by operation of law if they did not acquire another nationality within one year of birth.

Note: Suggestions are specific to stateless persons who have no other nationality and unable to access citizenship from parents especially those abandoned during childhood.

Persons with Temporary Residence status (MYKAS) are NOT ALLOWED to apply for Citizenship or Permanent Residence

Overall gaps in procedures practiced by NRD-MOHA

INCONSISTENT PROCEDURES AT NRD

District and State level

e.g.
1. Late Birth Registration application in District level needs to be attached with a cover letter, whereas applications at State and HQ levels do not require cover letters.

2. . Some District and State levels require "Penyokong" (supporter) to be present during the application, however other District, State and HQ level offices do not require the presence of a "Penyokong".

NRD branches SHOULD **STANDARDIZE ADMINISTRATIVE PROCEDURES** in all NRD offices, both district and state levels to ensure all persons be treated equally.

Shorten the time period of NRD search & extraction (S&E) processes for previous applications and birth registration records. Application forms should be accepted whilst S&E is in process.

LONG S&E PROCESSES

that delay citizenship application submission processes

Overall gaps in procedures practiced by NRD-MOHA

NO Legal Marriage

Unmarried father's information is NOT included in the Birth Certificate if the mother is not present during registration.

The father will only be included as an informer and the child will be classified as ***"illegitimate".***

NRD should allow **DNA results** to be accepted as proof of paternity and allow necessary amendment to the birth certificate.

Below 21 years old:
NRD should allow legal guardian to stand as known relation to the child

Above 21 years old:
To consider wider use of Statutory Declaration (SD) to facilitate process where information is otherwise lost/unobtainable

Inability to provide proof

Including providing proof of birth, or tracing midwives or family members to support application, which are unavailable due to resettlement, deaths, and damaged documents issued pre-digital era

QUICK FACTS

The Federal Constitution of Malaysia, which promotes equality and **PROHIBITS gender discrimination** under Article 8(1) and 8(2), is undermined by the prevalence of gender discrimination in nationality laws in the following ways;

Malaysia is one of **25** countries in the world that **DENIES WOMEN** the right to confer nationality on their children on an equal basis with men

Malaysia is one of **3** countries in the world that **DENIES MEN** equal rights in conferring nationality on their children who are born out of wedlock;

The Federal Constitution of Malaysia contains safeguards to prevent against statelessness however it is

NOT IMPLEMENTED

Malaysia has **COMMITTED** to achieving the Sustainable Development Goals (SDG) and its agenda to "leave no one behind". BUT without accurate baseline data and without counting those who are legally invisible, it will be difficult to measure the success of the SDGs, and to truly know whether anyone is being left behind.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

Reference:

DHRRA Malaysia. (2017). *Policy Recommendation in addressing Statelessness in Malaysia.* Retrieved from http://dhrramalaysia.org.my/dhrra-submitted-policy-recommendation-to-government-of-malaysia/

DHRRA Malaysia. (2017). *Resolving Statelessness in Malaysia – Strategic Plan.* Selangor: Author.

Federal Constitution of Malaysia. pt III Citizenship.

National Registration Department. (n.d.) *Citizenship.* Retrieved from http://www.jpn.gov.my/

Open Society Foundations. (2018). *A Community-Based Practitioner's Guide: Documenting Citizenship and Other Forms of Legal Identity.* Retrieved from https://namati.org/resources/community-based- practitioners-guide-documenting-citizenship-legal-identity/

"Laws are man-made,
Statelessness caused by the policy & law in practice
can be amended with POLITICAL WILL."
- DHRRA Malaysia

DHRRA MALAYSIA | BUILDING RESILIENT COMMUNITIES

Menyelesaikan Isu Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia

Buku Panduan Resolusi

PENGENALAN

Persatuan Jaringan Pembangunan Masyarakat Luar Bandar, Malaysia (DHRRA) telah ditubuhkan untuk mewujudkan komuniti yang utuh dan berdikari melalui pelbagai inisiatif pembangunan masyarakat. Pengalaman lebih sedekad dalam melaksanakan program pembangunan komuniti telah mendedahkan kami kepada keadaan kehidupan masyarakat tanpa kewarganegaraan.

Pada pertengahan tahun 2014, DHRRA telah memberikan tumpuan untuk menangani isu tanpa kewarganegaraan di Semenanjung Malaysia. Memahami skala isu ini, punca dan akibatnya memerlukan data asas yang tepat. Pengumpulan data asas yang tepat mengenai isu tanpa kewarganegaraan merupakan langkah pertama yang nyata dan perlu untuk menangani masalah ini. Justeru itu, kami telah mengumpul angka-angka asas yang tepat mengenai isu tanpa kewarganegaraan di Selangor, Negeri Sembilan, Perak, dan Kedah melalui proses pendaftaran dan perkhidmatan bantuan paralegal berasaskan komuniti setempat.

DHRRA telah mengumpul banyak sejumlah kes tanpa kewarganegaraan (lebih daripada 12,500) dan mengenal pasti isu-isu menyeluruh yang menjadi punca dan penghalang kepada pengurangan isu tanpa kewarganegaraan. Lebih penting lagi, kami telah mengenal pasti langkah-langkah administratif atau undang-undang yang diperlukan untuk mencari suatu penyelesaian bagi isu ini.

Kebanyakan senario masyarakat tanpa kewarganegaraan di Malaysia dapat dikategorikan ke dalam tiga jenis:

1. *Dilahirkan atau tiba sebelum Hari Kemerdekaan/Hari Malaysia*
2. *Kanak-kanak dengan sekurang-kurangnya seorang daripada ibu atau bapa yang berwarganegara Malaysia*
3. *Kanak-kanak yang dijadikan anak angkat secara tidak rasmi*

Selain kategori di atas, terdapat sebilangan kecil kes yang berkaitan dengan kanak-kanak terbiar atau ditemui.

Mengakhiri isu tanpa kewarganegaraan memerlukan kerjasama yang kukuh di antara semua pihak yang berkepentingan termasuk masyarakat tanpa kewarganegaraan itu sendiri. Pendaftaran dan perkhidmatan bantuan perundangan berasaskan komuniti setempat yang dilakukan oleh DHRRA telah berhasil mewujudkan skop yang menyeluruh tentang masalah ini dan kami akan meneruskan usaha advokasi untuk mencari penyelesaian yang mampan untuk masyarakat tanpa kewarganegaraan di Malaysia. Penerbitan buku panduan kesedaran dalam dua siri berikut merupakan sebahagian daripada usaha berterusan kami dalam menangani isu ini:

I. Buku Panduan Kesedaran: Memahami Isu Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia
II. Buku Panduan Resolusi: Menyelesaikan Isu Tanpa Kewarganegaraan di Malaysia

Pengalaman selama beberapa tahun yang lalu di Malaysia menunjukkan banyak yang boleh dicapai dalam menangani isu ini. Melalui kerjasama yang kukuh dengan kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain, DHRRA Malaysia berhasrat untuk meningkatkan kesungguhan politik Kerajaan Malaysia untuk menangani isu ini. Perlembagaan Malaysia telah pun memperuntukkan perlindungan yang mencukupi untuk meyelesaikan isu tanpa kewarganegaraan, justeru kesungguhan politik dan usaha bersepadu kerajaan adalah kunci dalam penyelesaian isu tanpa kewarganegaraan ini di Malaysia.

Saravanan M. Sinapan,
Presiden DHRRA Malaysia

Undang-undang Antarabangsa yang Melindungi Akses untuk mendapatkan Kewarganegaraan

Daripada kesemua instrumen undang-undang tersebut, Malaysia hanyalah pihak kepada CEDAW, CRC dan CRPD. Namun begitu, Malaysia telah menempatkan reservasi mengenai perkara yang berkaitan dengan

- **1948** Perisytiharan Sejagat Hak Asasi Manusia, **Perkara 15**
- **1954** Konvensyen yang berkaitan dengan Status Orang Tanpa Kewarganegaraan, **Artikel 1**
- **1961** Konvensyen mengenai Pengurangan Isu Tanpa Kewarganegaraan, **Artikel 1-4**
- **1965** Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum, **Perkara 5**
- **1966** Perjanjian Antarabangsa mengenai Hak Sivil dan Politik, **Artikel 24**
- **1979** Konvensyen mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita, **Perkara 9**
- **1989** Konvensyen mengenai Hak Kanak-Kanak, **Artikel 7 dan 8**
- **1990** Konvensyen mengenai Perlindungan Hak Semua Pekerja Migran dan Anggota Keluarga mereka, **Perkara 29**
- **2006** 2006 Konvensyen mengenai Hak Orang Kelainan Upaya, **Perkara 18**

Perlindungan untuk Mencegah Isu Tanpa Kewarganegaraan dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia

Perkara 14 (1) (b), Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1 (e)

Memperuntukkan seorang anak yang lahir di Malaysia dan belum memperoleh kewarganegaraan dari mana-mana negara lain dalam tempoh 1 tahun selepas kelahiran sebagai warganegara Malaysia.

Perkara 14 (1) (b), Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 19B

Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf kanak-kanak dijumpai / terbiar sebagai warganegara Malaysia, iaitu negara di mana mereka dijumpai. (di mana P.O.B: Lokasi dijumpai; D.O.B: Tarikh Dijumpai; Pertalian Ibu Bapa: Dilahirkan kepada ibu yang merupakan seorang PR)

Akta Pengangkatan 1952, Seksyen 9 (1)

Kedudukan kanak-kanak yang diambil sebagai anak angkat dalam undang-undang kewarganegaraan adalah sama seperti kedudukan anak kandung. Perlembagaan mengiktiraf seorang kanak-kanak yang lahir di dalam negara sebagai warganegara Malaysia jika salah seorang daripada ibu atau bapanya adalah warganegara atau pemastautin tetap Malaysia. Anak angkat yang diangkat secara sah dianggap dilahirkan dalam perkahwinan yang sah. Pertalian Ibubapa: Dilahirkan kepada ibu yang merupakan seorang PR.

Namun, tidak ada garis panduan administratif atau prosedur mengenai pelaksanaan peruntukan perlembagaan yang berkaitan.

Jurang dalam Dasar Kewarganegaraan

Pengangkatan

i) Pengangkatan tidak rasmi ii) Kanak-kanak tanpa kewarganegaraan yang terbiar/dijumpai diserahkan untuk dijadikan anak angkat	**Jurang**
Dibenarkan memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 15A dalam Perlembagaan Persekutuan (Kuasa Khas untuk Mendaftarkan Kanak-Kanak)	**Amalan semasa**
Tempoh pemprosesan yang panjang (lebih daripada 2 tahun) dan penolakan yang berulang kali tanpa dinyatakan sebab permohonan ditolak. Semasa menjalani proses ini, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan adalah tertakluk kepada kadar bayaran untuk orang asing apabila mengakses pendidikan dan khidmat penjagaan kesihatan awam. Permohonan dokumen perjalanan sering ditolak.	**Kesan dan Cabaran Prosedur**
JPN mengeluarkan garis panduan dan prosedur administratif berkenaan pertimbangan permohonan di bawah Perkara 15A. Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri mengeluarkan garis panduan untuk menguatkuasa Seksyen 9 (1) Akta Pengangkatan 1952 yang menyatakan bahawa kedudukan kanak-kanak berkenaan dalam undang-undang adalah sama seperti kedudukan seorang anak kandung yang dilahirkan dalam perkahwinan yang sah.	**Cadangan**

Jurang dalam Dasar Kewarganegaraan

Diskriminasi dalam Undang-undang Kewarganegaraan

a) Perlembagaan tidak membenarkan lelaki memindahkan taraf kewarganegaraan kepada anak-anak mereka jika anak itu dilahirkan daripada perkahwinan yang tidak diakui sah (Seksyen 17, Jadual Kedua, Bahagian II). Perkara ini boleh mewujudkan status tanpa kewarganegaraan sekiranya kanak-kanak berkenaan tidak dapat memperoleh kewarganegaraan daripada ibu mereka. Sebagai contoh: (i) Ibu berstatus tanpa kewarganegaraan; (ii) Identiti ibu tidak diketahui; (iii) Undang-undang di negara ibu tidak membenarkan beliau memindahkan taraf kewarganegaraan dalam keadaan tertentu. b) Perlembagaan tidak membenarkan ibu memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar Malaysia pada asas yang sama seperti bapa.	**Jurang**
Dibenarkan memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 15A dalam Perlembagaan Persekutuan (Kuasa Khas untuk Mendaftarkan Kanak-Kanak)	**Amalan semasa**
Tempoh pemprosesan yang panjang (lebih daripada 2 tahun) dan penolakan yang berulang kali tanpa dinyatakan sebab permohonan ditolak. Semasa menjalani proses ini, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan adalah tertakluk kepada kadar bayaran untuk warga asing apabila mengakses pendidikan dan khimat penjagaan kesihatan awam. Permohonan dokumen perjalanan sering ditolak.	**Kesan dan Cabaran Prosedur**
Memperbaharui undang-undang berkaitan Perkara 14 (1) (b), Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 1 (b) dan Seksyen 17 Perlembagaan Persekutuan.	**Cadangan**

Jurang dalam Dasar Kewarganegaraan

Kanak-kanak Terbiar / Dijumpai

a) Sebahagian daripada kanak-kanak yang terbiar dan dijumpai yang dibesarkan di rumah kebajikan kerajaan diberi kad MyKas (Kad Pengenalan Sementara dengan pembaharuan setiap 5 tahun) b) Kanak-kanak terbiar/dijumpai yang diambil sebagai anak angkat hanya boleh mendapat akses kewarganegaraan melalui ibu bapa angkat mereka jika pengangkatan yang sah dan permohonan kewarganegaraan yang diperlukan dibuat di JPN, sebelum kanak-kanak berkenaan berumur 21 tahun, dan permohonan kewarganegaraan dibuat di JPN.	**Jurang**
a) Tiada peruntukan untuk memohon taraf Pemastautin Tetap (PR) b) Dibenarkan memohon kewarganegaraan di bawah Perkara 15A dalam Perlembagaan Persekutuan (Kuasa Khas untuk Mendaftarkan Kanak-Kanak)	**Amalan semasa**
Tempoh pemprosesan yang panjang (lebih daripada 2 tahun) dan penolakan yang berulang kali tanpa dinyatakan sebab permohonan ditolak. Semasa menjalani proses ini, kanak-kanak tanpa kewarganegaraan adalah tertakluk kepada kadar bayaran untuk warga asing apabila mengakses pendidikan dan khidmat penjagaan kesihatan awam. Permohonan dokumen perjalanan sering ditolak.	**Kesan dan Cabaran Prosedur**
JPN harus mengeluarkan garis panduan dan prosedur administratif untuk melaksanakan peruntukan ini (Jadual Kedua, Bahagian II, Seksyen 19B) - memandangkan Perlembagaan Persekutuan mengiktiraf bayi baru lahir yang dijumpai sebagai warganegara Malaysia, iaitu negara di mana mereka dijumpai; ATAU Sekiranya didapati secara sah anak itu mudah terdedah pada bahaya sebagai anak yang ditemui dan dengan demikian perlu memperoleh petalian yang benar ke Malaysia sebagai seorang warganegara atau dilindungi daripada ditinggalkan tanpa kewarganegaraan dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelahiran mereka.	**Cadangan**

Jurang dalam Dasar Kewarganegaraan

Kes-kes Kelahiran/Ketibaan Pra Kemerdekaan - Hari Malaysia

a) Dengan Sijil Kelahiran -Maklumat yang tidak konsisten dalam Sijil Kelahiran dan Kad Pengenalan (contohnya ejaan nama); Tidak memperoleh pencapaian yang baik dalam Ujian Lisan Bahasa Malaysia; Tidak dapat memenuhi syarat untuk mendapatkan Sijil Kelakuan Baik. b) Tanpa Sijil Kelahiran - Bukti ketibaan/kelahiran telah hilang semasa pemindahan pekerja dari ladang/estet; Tidak memperoleh pencapaian yang baik dalan Ujian Lisan dan Penulisan Bahasa Malaysia; Tidak dapat memenuhi syarat untuk mendapatkan Sijil Kelakuan Baik.	**Jurang**
Dibenarkan memohon kewarganegaraan di bawah Artikel 16 (dengan Sijil Kelahiran) dan Artikel 19 (tanpa Sijil Kelahiran).	**Amalan semasa**
Tempoh pemprosesan yang panjang (lebih daripada 2 tahun) dan penolakan yang berulang kali tanpa dinyatakan sebab permohonan ditolak. Permohonan izin untuk perjalanan dari Jabatan Imigresen sangat mahal (RM500) dan hanya sah untuk kegunaan sekali sahaja.	**Kesan dan Cabaran Prosedur**
Memberikan kewarganegaraan kepada pemohon yang dilahirkan atau tiba di Malaysia di antara tempoh kemerdekaan dan Hari Malaysia (31 Ogos 1957-16 September 1963). Pemohon warga emas berkenaan tidak lagi mempunyai kewarganegaraan lain atau telah terputus hubungan dengan mana-mana negara lain, tidak pernah meninggalkan negara ini, dan kebiasaannya mempunyai adik-beradik, ibu bapa, dan anak yang merupakan warganegara Malaysia.	**Cadangan**

Jurang keseluruhan dalam prosedur yang diamalkan oleh JPN-KDN

Tempoh pemprosesan yang panjang

Purata 2-3 tahun, dengan beberapa permohonan yang melebihi 4 tahun.

Kurangkan tempoh pemprosesan supaya tidak melebihi 1 tahun, terutamanya bagi kanak-kanak dan belia yang memohon di bawah Perkara 15A

Penolakan yang berulang kali dan permohonan semula bermakna kanak-kanak yang memohon di bawah Artikel 15A akan mencapai usia 21 tahun dan akhirnya dikecualikan daripada peruntukan Perkara 15A.

Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri (KDN) dan JPN harus lebih telus dalam membuat keputusan mengenai permohonan kewarganegaraan sekiranya dokumentasi atau maklumat yang diperlukan tidak mencukupi.

PENOLAKAN Berulang Kali

TIADA SEBAB Untuk Penolakan

KDN/JPN harus **mempertimbangkan penyenaraian** sebab-sebab atau dokumentasi/bukti yang hilang untuk membolehkan pemohon memperbaiki penyerahan permohonan yang seterusnya.

Menubuhkan Tribunal untuk kes-kes yang tidak dapat diproses di bawah amalan pentadbiran semasa. Tribunal hendaklah terdiri daripada wakil daripada JPN/KDN, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan NGO/Masyarakat Sivil; dan mempunyai kuasa untuk memanggil saksi dan mendengar keterangan mengenai status pemohon.

Jurang keseluruhan dalam prosedur yang diamalkan oleh JPN-KDN

Sekiranya borang yang mengesahkan kewarganegaraan di bawah Artikel 14 (1) (b) diberikan, ia akan MEMBENARKAN kategori berikut untuk mendapat akses kewarganegaraan:

a) Lahir pada atau sebelum Hari Kemerdekaan
b) Lahir pada atau selepas Hari Kemerdekaan dan sebelum Oktober 1962
c) Lahir selepas September 1962 dan sekurang-kurangnya salah seorang daripada ibu atau bapanya merupakan warganegara atau PR atau yang tidak dilahirkan sebagai warganegara mana-mana negara lain

JPN tidak memberi borang

untuk Perkara 14 (b) Perlembagaan Persekutuan - Pengesahan Kewarganegaraan (Lahir di Malaysia)

TIADA PENDEKATAN STANDARD

untuk menilai kemahiran bahasa (Melayu)

JPN harus menggariskan standard kemahiran bahasa yang minimum untuk memastikan ketelusan dalam penilaian bahasa.

Jurang keseluruhan dalam prosedur yang diamalkan oleh JPN-KDN

Individu yang mempunyai

REKOD JENAYAH

ditolak

JPN boleh mewujudkan garis panduan administratif mengenai makna "perwatakan yang baik" dalam Perlembagaan Persekutuan untuk memastikan konsistensi dan mengambil maklum sifat jenayah apabila menilai "perwatakan yang baik".

Pemohon bawah 21 tahun:

Perkara 15A (Kuasa Khas untuk Mendaftarkan Kanak-Kanak) boleh digunakan untuk mendaftar seseorang yang berusia di bawah umur 21 tahun sebagai warganegara Malaysia.

Di atas 21 tahun:

Berhak untuk mendapatkan kewarganegaraan melalui operasi undang-undang jika mereka tidak memperoleh kewarganegaraan lain dalam tempoh satu tahun dari tarikh kelahiran.

Nota: Cadangan ini adalah khusus untuk orang tanpa kewarganegaraan yang tidak memiliki kewarganegaraan yang lain dan tidak dapat mengakses kewarganegaraan daripada ibu bapa terutamanya mereka yang ditinggalkan semasa masih kanak-kanak.

Orang yang mempunyai status Penduduk Sementara (MyKAS) TIDAK DIBENARKAN untuk memohon Kewarganegaraan atau Penduduk Tetap



Jurang keseluruhan dalam prosedur yang diamalkan oleh JPN-KDN

PROSEDUR YANG TIDAK KONSISTEN DI JPN

Pada peringkat Daerah dan Negeri

Contoh: .

1. Permohonan Pendaftaran Kelahiran Lewat pada peringkat Daerah perlu dilampirkan dengan surat rasmi, sedangkan permohonan pada peringkat Negeri dan Ibu Pejabat tidak memerlukan surat rasmi.

2. Sesetengah Daerah dan Negeri memerlukan "Penyokong" untuk hadir semasa permohonan, namun pejabat Daerah, Negeri yang lain dan di peringkat Ibu Pejabat tidak memerlukan kehadiran "Penyokong".

Cawangan **JPN MESTI menyeleraskan prosedur administratif di semua pejabat JPN**, pada kedua-dua peringkat Daerah dan Negeri untuk memastikan semua orang dilayan dengan sama rata.

Memendekkan tempoh masa proses (S & E) di JPN untuk mencari permohonan terdahulu dan rekod pendaftaran kelahiran. Borang permohonan hendaklah diterima sementara S & E sedang diproses.

Proses pencarian &

pengekstrakan (S & E)

yang lama menyebabkan kelewatan dalam proses permohonan kewarganegaraan

Jurang keseluruhan dalam prosedur yang diamalkan oleh JPN-KDN

TIADA PERKAHWINAN RASMI

Maklumat bapa yang tidak berkahwin secara rasmi TIDAK dimasukkan dalam Sijil Kelahiran jika ibu tidak hadir semasa pendaftaran.

Nama Bapa hanya akan dimasukkan sebagai pemberi maklumat dan anak akan diklasifikasikan sebagai ***"anak tidak sah taraf"***

JPN harus membenarkan keputusan **DNA diterima** sebagai bukti paterniti dan membenarkan pindaan yang diperlukan dalam sijil kelahiran.

Di bawah 21 tahun:
JPN harus membenarkan penjaga yang sah sebagai mempunyai hubungan yang diketahui dengan kanak-kanak. **tersebut.**

Di atas 21 tahun:
Mempertimbangkan penggunaan Akuan Berkanun (SD) dengan lebih meluas untuk mempermudahkan proses sekiranya maklumat hilang atau tidak dapat dikesan.

Ketidakupayaan MEMBERIKAN BUKTI

Termasuk menyediakan bukti kelahiran, atau menjejaki bidan atau ahli keluarga untuk menyokong permohonan, disebabkan oleh penempatan semula, kematian, dan kerosakan dokumen yang dikeluarkan semasa era pra-digital.

FAKTA RINGKAS

Perlembagaan Persekutuan Malaysia, yang menggalakkan kesaksamaan dan **MELARANG DISKRIMINASI JANTINA** di bawah Perkara 8(1) dan 8(2), dilemahkan oleh kekerapan kewujudan diskriminasi jantina dalam undang-undang kewarganegaraan seperti berikut:

Malaysia adalah salah satu daripada **25** negara di dunia yang **MENAFIKAN HAK WANITA** untuk memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka secara saksama dengan lelaki.

Malaysia adalah salah satu daripada **3** negara di dunia yang **MENAFIKAN HAK LELAKI** untuk memindahkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan tanpa perkahwinan yang sah.

Perlembagaan Persekutuan Malaysia memperuntukan perlindungan untuk mencegah isu tanpa kewarganegaraan namun ia

TIDAK DILAKSANAKAN

Malaysia telah memberi **KOMITMEN** untuk mencapai Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) dan agendanya untuk "tidak meninggalkan sesiapa pun", TETAPI dengan ketiadaan data asas yang tepat dan tanpa mengambil kira mereka yang tidak wujud secara sah, adalah sukar untuk mengukur kejayaan SDG, dan benar-benar mengetahui jika masih ada sesiapa yang tertinggal.

SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS

RUJUKAN

DHRRA Malaysia. *(2017). Cadangan Dasar dalam mengatasi Isu Kewarganegaraan di Malaysia.* Boleh dilayari di laman web berikut: http://dhrramalaysia.org.my/dhrra-submitted-policy-recommendation-to-government-of-malaysia/

DHRRA Malaysia. *(2017). Menyelesaikan Isu Kewarganegaraan di Malaysia - Pelan Strategik. Selangor:* Pengarang.

Jabatan Pendaftaran Negara. (t.t) *Kewarganegaraan.* Boleh dicapai di laman web berikut : http://www.jpn.gov.my/

Perlembagaan Persekutuan Malaysia. bhg III Kewarganegaraan.

Yayasan Masyarakat Terbuka. (2018). *Panduan Pengamal Berasaskan Komuniti: Mendokumenkan Kewarganegaraan dan Lain-lain Borang Identiti Undang-undang.* Boleh dilayari di laman web berikut : https://namati.org/resources/community- based-practitioners-guide-documenting-citizenship-legal-identity/

"Undang-undang adalah buatan manusia, isu Tanpa Kewarganegaraan yang disebabkan oleh dasar dan undang-undang yang diamalkan, boleh diubah dengan **KESUNGGUHAN POLITIK.**"
- DHRRA Malaysia

DHRRA
MALAYSIA

Building Resilient Communities
Membina Komuniti Yang Resilien

#EndStatelessness

www.facebook.com/pg/DHRRA/
www.instagram.com/dhrramalaysia/
www.dhrramalaysia.org.my/

Disclaimer:
"DHRRA Malaysia" assumes no responsibility or liability for any errors or omissions in the content of the awareness and resolution handbook. The handbooks are designed for educational, awareness and advocacy purposes only, based on mapping and registration of stateless persons project conducted in Malaysia.While we try to keep the information up-to-date and correct, there are no representations or warranties, express or implied, about the completeness, accuracy, reliability, suitability or availability with respect to the information, products, services, or related graphics contained in this handbook for any purpose. Any use of this information is at your own risk.

Penafian:
"DHRRA Malaysia" tidak bertanggungjawab atau berkewajiban atas sebarang kesilapan atau butiran yang tidak dimasukkan dalam kandungan buku panduan kesedaran dan resolusi ini. Buku panduan ini direka untuk tujuan pendidikan, kesedaran dan advokasi sahaja, berdasarkan pada pemetaan dan projek pendaftaran orang tanpa kewarganegaraan yang dibuat di Malaysia. Walaupun kami cuba mengekalkan penggunaan maklumat yang terkini dan betul, tiada pernyataan atau jaminan, tersurat mahupun yang tersirat, mengenai kesempurnaan, ketepatan, kebolehpercayaan, kesesuaian atau kesediaadaan berkenaan dengan maklumat, produk, perkhidmatan, atau grafik yang terkandung dalam buku panduan ini untuk apa-apa tujuan pun. Sebarang penggunaan maklumat ini adalah tanggungjawab anda sendiri.